



# kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

# Tak dapat lupa suami orang

## Wajah kekasih beranak lima sering terbayang di mata sekali pun cinta terlarang

**S**AYA remaja berusia awal 20-an. Konflik saya ialah bercinta dengan suami orang yang berumur 47 tahun sebaya dengan umur ayah saya. Walaupun saya berhati-hati memilih teman tapi perkara ditakuti berlaku jua.

Saya berkenalan dengan kekasih pada pertengahan 2006 dan dilayan dengan baik walaupun tahu si dia ada isteri dan lima anak. Bagi saya itu bukan halangan.

Saya amat sayangkan dia dan pernah tidur bersama tapi tidak melakukan seks cuma ringan-ringan. Dia pernah bersuara menjadikan saya isteri kedua atau dia sanggup ceraikan isteri kerana saya.

Masalahnya sekarang ibu bapa saya tidak merestui hubungan kami. Malah hubungan itu sudah dua kali putus tapi kami berbaik semula. Kali ketiga kami putus sampai sekarang tidak berbaik lagi.

Saya diberi pilihan sama ada ibu bapa atau dia. Saya pilih ibu bapa kerana tidak mahu jadi anak derhaka walaupun hati saya hancur berkecai.

Sampai sekarang saya tidak dapat melupakan dia. Bayangkan Dr setiap malam sebelum tidur dan terjaga dari tidur wajah dia sentiasa bermain di mata. Saya terseksa amat sangat.

Pernah hati saya men-

gatakan kalau tidak dapat berkahwin dengannya, sampai bila-bila saya tidak akan kahwin.

Apa perlu saya lakukan? Bantulah saya untuk membuat keputusan kerana sudah terlalu buntu hingga kesihatan terjejas.

### INSAN TERSEKSA Kelantan

**D**EWASA ini kisah cinta terlarang bukanlah aneh. Gadis bercinta dengan suami orang, isteri pula mempunyai hubungan dengan suami orang. Begitu juga sebaliknya. Proses perubahan nilai dan bentuk kehidupan kerana proses pembangunan dan peredaran zaman banyak mencorakkan pola perhubungan terlarang ini.

Perhubungan ini banyak mengalami komplikasi kerana bukan saja dilarang tapi membabitkan lebih banyak pelaku, mangsa, perasaan dan juga sikap tanggungjawab atau tidak.

Jalan terbaik menghindari segala kesan negatif kepada perhubungan begini ialah tidak membabitkan diri pada peringkat awal lagi. Walaupun soal jodoh adalah ketentuan Tuhan, tapi mengambil sikap berhati-hati untuk tidak terjebak dalam hubungan cinta terlarang boleh mengurangkan konflik.

Dr memahami perasaan

'terseksa teramat sangat dan hancur berkecai' adik kerana konflik cinta menemui halangan daripada ibu bapa. Dr yakin tindakan ibu bapa adik lahir daripada keinginan mereka untuk melihat adik bahagia melayari alam perkahwinan dan berumah tangga.

Kini kesihatan adik terganggu. Dr doakan cepatlah sembuh supaya boleh meneruskan kehidupan lebih baik. Bangunlah. Pujangga Hamka ada mengatakan 'Cinta bukan mengajar kita lemah, tetapi membangkitkan kekuatan. Cinta bukan mengajar menghina diri, tetapi mengembuskan kegagahan. Cinta bukan melemahkan semangat, tetapi membangkitkan semangat'.

Walaupun sukar untuk melupakan kekasih adik, tetapi cinta adalah ibarat hujan, selebat dan selama mana pun ia, pasti ia akan berhenti dan menjadi reda.

Bila cinta mengawal emosi, orang akan bercakap, beremosi dan berfikir apa saja. Lantas itu, adik mengatakan kalau adik tidak dapat berkahwin dengan kekasih, adik tidak akan kahwin sampai bila-bila.

Cinta sesama manusia banyak dipengaruhi hawa nafsu dan tiada puasnya. Oleh itu, Imam Ghazali mengatakan 'kebahagiaan' sebenar lagi utama terletak pada kemenangan dalam memerangi

hawa nafsu dan menahan kehendak yang berlebih-lebihan".

Manusia boleh lupa sesuatu peristiwa atau perasaan. Antaranya, proses lupa boleh berlaku kerana maklumat hilang disebabkan peredaran masa, sengaja menekan memori yang menyakitkan daripada muncul ke aras kesedaran. Masa dan jarak banyak membantu manusia melupakan sesuatu.

Dari sudut psikologi, cinta yang adik alami adalah normal. Adik berada pada peringkat keinginan keintiman. Ini bermakna adik ingin merasa disayangi dan dikasihi. Pada peringkat ini juga adik mula terfikir untuk mencari pasangan hidup.

Apabila keinginan adik terutama dari segi emosi seperti kasih sayang dapat dipenuhi oleh seorang lelaki berumur yang ternyata mempunyai banyak pengalaman untuk menarik hati si gadis, perasaan cinta mula berputik, berkembang dan menyegar. Seperti sekuntum bunga, apabila ia berkembang, keindahannya akan terserlah. Begitulah cinta adik.

Namun, cinta bukan wujud dalam ruang kekosongan. Ia dilingkari dan diikuti keinginan lain seperti keinginan berumah tangga. Lantas, konflik wujud apabila kekasih adik sudah ada isteri dan lima anak. Adik juga menghadapi

tentangan daripada ibu bapa adik.

Sikap adik memilih ibu bapa daripada kekasih adalah tindakan baik. Bukan saja kerana adik tidak mahu menjadi anak derhaka, tetapi mendirikan rumah tangga tanpa restu ibu bapa bakal mengundang banyak permasalahan kemudian hari.

Niat suci kekasih untuk menjadikan adik isteri keduanya menunjukkan dia memang sayangkan adik dan tidak mempermainkankan perasaan adik.

Islam membenarkan poligami untuk mengelak manusia daripada melakukan perkara dilarang seperti zina. Islam juga adalah agama fitrah yang mengiktiraf keperluan manusia dalam kehidupan berpasangan.

Namun begitu, poligami diharuskan untuk dinikmati dan digunakan dengan penuh tanggungjawab dan keadilan. Lelaki yang ingin berpoligami perlu bersifat adil dalam memenuhi tuntutan itu. Jika sanggup menjadi isteri kedua, adik akan bermadu. Kekasih adik nanti perlu menjadi suami yang adil dan bertanggungjawab selari dengan konsep berpoligami dalam Islam.

Seperti yang Dr katakan, soal jodoh adalah ketentuan Tuhan. Sekiranya jodoh adik ditakdirkan dengan kekasih,

terimalah qada' dan qadar-Nya. Jadi isteri yang baik. Hormati ibu bapa dan jangan lupa meminta kekasih untuk menjadi suami yang adil dan bertanggungjawab kepada isteri dan anak-anak.

Ia bukan saja soal hati adik tetapi kehidupan orang lain terutama sekali ibu bapa, isteri dan anak-anak kekasih adik. Tingkah laku percintaan adik dengan kekasih tidak boleh dijadikan alasan untuk mengorbankan masa depan isteri dan anak-anak mereka yang berhak menerima penjagaan dan keadilan.

Buatlah keputusan sendiri yang bukan saja baik untuk adik tapi memikirkan juga kesan keputusan itu terhadap orang yang penting dalam hidup adik dan juga kekasih. Sering kali, soal hati dan perasaan dilupakan dalam membuat satu keputusan terbaik untuk semua.

Dalam konteks perhubungan adik ini, apa pun keputusan diambil, pasti akan ada hati terluka. Jika hati yang luka itu adalah hati adik, tabahlah melaluinya. Mencintai seseorang tidak semestinya memiliki dirinya. Jika benar-benar mencintai seseorang, kita akan bahu-meluah melihat kehidupannya sejahtera. Cinta bukanlah syarat memiliki seseorang.